

KOLEM BUKAN SEKADAR LUKISAN CANTIK

Teks: Uthaya Sankar SB

Sepanjang bulan *Margazhi* mengikut kalendar Tamil, iaitu pada pertengahan bulan Disember hingga Januari, para wanita beragama Hindu akan bangun awal pagi dan melukis *kolem* di hadapan rumah. Kemudian, mereka ke kuil bagi upacara sembahyang khas yang melibatkan golongan wanita yang sudah berumah tangga.

Perkataan *kolem* dalam bahasa Tamil memberikan makna "indah" atau "cantik". Istilah *alankolem* pula bermakna "tidak teratur" atau "tidak cantik". Apabila memperkatakan tentang *kolem*, sudah tentunya merujuk kepada lukisan yang cantik dan menarik.

Tradisi melukis *kolem* pada lantai dan kaki lima di hadapan rumah menjadi amalan dalam kalangan gadis dan wanita kaum India sejak ribuan tahun dahulu. Amalan itu berbalik kepada ajaran *dharma* atau kebajikan yang menjadi satu daripada perkara penting dalam *Sanathana Dharma* (Hinduisme).

Pada zaman dahulu, golongan wanita India lebih banyak menghabiskan masa membuat tugas rumah dan menjaga keluarga. Maka itu, peluang untuk mereka terlibat dalam aktiviti kebajikan, iaitu *dharma*, dalam masyarakat umum sangat terhad.

Bagi mengatasi kekurangan itu, mereka mula membuat lukisan *kolem* menggunakan tepung beras dan beras hancur pada lantai. Lukisan warna putih ini bukan sahaja cantik dipandang, malah menjadi sumber makanan bagi serangga kecil, semut dan burung. Maka itu, golongan wanita berpeluang melakukan

kebajikan yang dituntut dalam ajaran Hindu.


Sejarah tentang *kolem* ini pernah dijelaskan secara ringkas oleh Retna Devi Balan menerusi sebuah rencana yang disiarkan dalam majalah Dewan Budaya keluaran September 1997. Katanya, selain daripada beras dan tepung beras, bahan-bahan lain yang selalu digunakan antaranya termasuklah hampas kelapa, sagu, kacang hijau dan bunga-bunga.

Aspek *Dharma* Tidak Dilupakan

Menurut Ruben Prakash yang menerima tempahan membuat *kolem* secara profesional, ada juga pembuat *kolem* yang turut menggunakan rempah-ratus tradisional India, seperti bunga cengkih, kayu manis dan serbuk kuhyit, dalam usaha menghasilkan *kolem* yang unik untuk menampilkan kekayaan tradisi.

Lukisan *kolem* tradisional dalam budaya Tamil menggunakan tepung beras dan berwarna putih. Ada pula orang menggunakan pewarna makanan yang dicampurkan pada beras dan hampas kelapa bagi menghasilkan corak pelbagai warna. Hal ini penting bagi memastikan tujuan asal melukis *kolem* tidak terabai, iaitu memberikan makanan kepada serangga, semut dan burung.

Dalam tradisi orang Benggali di India dan Bangladesh, bahan pewarna asli tumbuh-tumbuhan digunakan untuk menjadikan tepung beras berubah warna. Oleh hal yang demikian, *kolem* yang dihasilkan kelihatan menarik dan berwarna-warni, tanpa



Kolem merupakan budaya yang lazim dalam kalangan kaum India berketurunan Tamil, Malayali dan Telugu di Malaysia.

mengesampingkan motif untuk menyediakan sumber makanan selaras amalan *dharma* seperti yang dinyatakan tadi.

Kini, terdapat banyak serbuk *kolem* pelbagai warna yang dicampurkan dengan bahan kimia dan dijual di kedai. Lukisan *kolem* yang terhasil sememangnya cantik dan penuh ceria. Walau bagaimanapun, selepas beberapa hari, bahan *kolem* itu terpaksa dibuang kerana serangga tidak akan memakannya. Maknanya, *kolem* berkenaan hanya dapat dijadikan sebagai hiasan dan tidak berperanan memenuhi tujuan asal melakukan *dharma*.

"Apabila saya diundang membuat *kolem* bagi apa-apa majlis, saya akan memaklumkan lebih awal kepada tuan rumah bahawa saya hanya menggunakan tepung beras dan beras hancur yang dicampur pewarna makanan. Beberapa hari selepas majlis tamat, jika *kolem* mahu dibuang, saya berpesan kepada tuan rumah supaya tidak membuangnya ke dalam tong sampah. Sebaliknya, buang di tempat yang ada serangga, semut, burung atau ayam," kata Ruben sewaktu penulis berbual-bual dengannya tidak lama dahulu.

Mengundang Tetamu dan Rezeki

Tradisi melukis *kolem* masih sangat popular di Tamil Nadu, Karnataka, Andra Pradesh, Kerala dan Maharashtra di India Selatan. Lukisan *rangoli* dengan pelbagai warna yang sering

dipaparkan dalam filem Hindi pula merupakan variasi di India Utara. *Kolem* merupakan sesuatu yang amat lazim dalam budaya kaum India daripada keturunan Tamil, Malayali dan Telugu di Malaysia. Sewaktu budaya dan agama dari India tersebar ke Indonesia dan Thailand, kisah-kisah *Ramayana* dan *Mahabharata* serta tradisi melukis *kolem* turut dibawa sama.

Kolem juga sering dikatakan dapat menceriaikan dan membawa seri kepada rumah, serta keluarga. Orang dahulu sering berkata bahawa sekiranya pintu hadapan rumah dihiasi *kolem*, maka tetamu utama yang akan terpanggil untuk berkunjung ialah Dewi Lakshmi. Dewi itu dikaitkan dengan kekayaan, harta dan kemakmuran. Dalam hal ini, rumah yang bersih dan dihiasi *kolem* dapat mengundang tetamu dan rezeki.

Teknik asas melukis *kolem* adalah dengan menggunakan titik-titik dan garisan beralun yang dilukis secara tidak terputus. Individu yang baru belajar boleh sahaja memulakan dengan empat titik yang dikelilingi secara geometri oleh garisan beralun, lalu menghasilkan *kolem* yang bersimetri. Sedikit demi sedikit, saiz *kolem* dapat dibesarkan dan teknik yang lebih kompleks dapat digunakan.

Selain corak geometri, bunga-bunga dan lukisan abstrak, pelukis *kolem* juga kebiasaannya menggunakan motif ikan, kulit siput, burung, bunga dan binatang. Watak-watak daripada

***Kolem* juga sering dikatakan dapat menceriaikan dan membawa seri kepada rumah, serta keluarga. Orang dahulu sering berkata bahawa sekiranya pintu hadapan rumah dihiasi *kolem*, maka tetamu utama yang akan terpanggil untuk berkunjung ialah Dewi Lakshmi. Dewi itu dikaitkan dengan kekayaan, harta dan kemakmuran. Dalam hal ini, rumah yang bersih dan dihiasi *kolem* dapat mengundang tetamu dan rezeki.**



Kolem dapat dilukis di mana-mana seperti di kuil, dewan orang ramai, majlis perkahwinan dan upacara keagamaan Hindu dan kebudayaan India.

kisah epik dan purana Hindu juga dapat dijadikan sebagai inspirasi untuk menghasilkan *kolem* yang menakjubkan apabila dipandang.

Kolem dapat dilukis di mana-mana. Selain di dalam dan di luar rumah, *kolem* juga dilukis di dalam dan di luar kuil, dewan orang ramai, majlis perkahwinan dan apa-apa upacara keagamaan Hindu dan kebudayaan India. Malah, majoriti kaum India beragama Kristian di Malaysia masih meneruskan tradisi melukis *kolem*, termasuklah semasa acara kebudayaan di gereja.

Perayaan seperti Deepavali, *ponggal* (pesta menuai), *Chittirai* (Tahun Baharu Tamil), *Ugadi* (Tahun Baharu Telugu), dan *Vishu* (Tahun Baharu Malayali) tidak lengkap tanpa *kolem*. Orang Malayali juga mempunyai tradisi membuat *kolem* menggunakan bunga-bunga pelbagai warna bagi sambutan *Vishu* dan *Onam*.


Menyumbang Perpaduan

Pelukis *kolem* perlu menggunakan daya kreativiti dan imaginasi, serta tumpuan sepenuhnya apabila melukis *kolem*. Selain teknik titik dan garisan beralun, terdapat juga pelukis menggunakan beberapa simbol lain yang sebenarnya mempunyai makna tersendiri.

Sebagai misalnya, segi tiga yang menjurus ke bawah mewakili "wanita", manakala segi tiga yang mengarah ke atas mewakili "lelaki". Bentuk bulatan mewakili "alam", sementara segi empat sama mewakili "budaya". Lukisan corak teratai merujuk kepada "rahim ibu", manakala bentuk pentagram, iaitu bentuk bintang

lima bucu, mewakili lima unsur alam, iaitu air, tanah, api, angin dan angkasa.

Tidak ada syarat tentang saiz standard bagi *kolem*. Saiz, corak dan bentuk terpulang sepenuhnya kepada daya kreativiti individu dan ruang yang tersedia untuk melukis *kolem*. Pada Mei 2003, sekumpulan 30 pelajar pelbagai kaum dari sebuah kolej di Subang Jaya, Selangor menghasilkan *kolem* bersaiz 102.5 meter x 1.2 meter. *Kolem* dengan motif burung merak itu menggunakan sekitar 800 kilogram hampas kelapa yang dikeringkan sebelum dicampurkan dengan pewarna makanan.



Kolem Rangoli

Kolem dapat dilukis di mana-mana. Selain di dalam dan di luar rumah, kalem juga dilukis di dalam dan di luar kuil, dewan orang ramai, majlis perkahwinan dan apa-apa upacara keagamaan Hindu dan kebudayaan India. Malah, majoriti kaum India beragama Kristian di Malaysia masih meneruskan tradisi melukis kalem, termasuklah semasa acara kebudayaan di gereja. Perayaan seperti Deepavali, ponggal (pesta menuai), Chittirai (Tahun Baharu Tamil), Ugadi (Tahun Baharu Telugu), dan Vishu (Tahun Baharu Malayali) tidak lengkap tanpa kalem.


Pada Ogos 2007, kira-kira 2040 pelajar dan 103 guru di Ipoh, Perak menggunakan beras bagi menghasilkan kalem bersaiz 73.3 meter x 41.3 meter. Kalem berukuran 63 meter x 30.7 meter dengan menggunakan 3270 kilogram beras pula dihasilkan oleh sekumpulan pelajar sebuah kolej di Pulau Pinang pada Oktober 2013. Pada Oktober 2017, kalem terapung bersaiz 638 meter x 638 meter menggunakan 87 guni hampas kelapa, 47 keping polisterin dan 5000 kuntum bunga segar dihasilkan oleh 100 sukarelawan di kolam renang sebuah hotel di Pulau Pinang. Semua kejayaan ini mendapat pengiktirafan daripada *The Malaysia Book of Records*.


Aktiviti seperti ini membantu melestarikan budaya melukis kalem agar terus hidup, selain memberikan peluang kepada masyarakat pelbagai kaum di Malaysia mengenali satu daripada keunikan kebudayaan masyarakat India. Hal ini secara tidak langsung dapat meningkatkan persefahaman dan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Pertandingan melukis kalem yang sering diadakan di serata negara juga membuka peluang serupa kepada orang ramai. Tambahan pula, generasi muda kaum India sendiri mungkin semakin kurang menguasai teknik melukis kalem. Apabila menyertai aktiviti atau pertandingan melukis kalem bersama-sama rakan-rakan yang

berlainan bangsa, minat dan keseronokan akan timbul secara semula jadi.

Selain buku corak dan panduan melukis kalem yang banyak terdapat dalam pasaran, masyarakat juga dapat melayari internet untuk mempelajari pelbagai teknik melukis kalem yang menarik. Lukisan corak mandala yang dewasa ini banyak dijadikan sebagai bahan mewarna bagi menenangkan fikiran juga berupaya mencetuskan idea rekaan kalem yang menggabungkan unsur tradisional dan moden.

Di negara India, banyak pakar sains, kejuruteraan komputer, fizik dan matematik melakukan kajian ilmiah terhadap corak, rekaan, titik dan garisan pada lukisan kalem tradisional. Mereka mengkaji algoritma yang terkandung dalam proses menghasilkan pelbagai bentuk kalem. Oleh hal yang demikian, seni melukis kalem bukan hanya mempunyai unsur budaya, tetapi juga menyumbang kepada kajian sains pada peringkat universiti.

Apabila generasi muda di Malaysia bersama-sama menyedari keunikan dan nilai budaya tradisional serta elemen saintifik yang dimiliki dalam penghasilan kalem, maka mereka pasti lebih berminat untuk kembali mengenali kalem secara lebih dekat dan menyeluruh dengan diberikan pendedahan oleh generasi terdahulu. 



Kalem yang menggabungkan unsur tradisional dan moden.